

TERIMA
DOKUMEN....Prof
Madya Dr Ismail
(tiga kanan)
menerima dokumen
Pengarah UMS-KAL
daripada Dr Ag Asri
diperhatikan Zamri
(dua kanan).



Prof Madya Dr Ismail dilantik pengarah UMS-KAL yang baharu

NST 08-08-2012 3

LABUAN: Dekan Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB) Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof Madya Dr Ismail Ali dilantik sebagai Pengarah UMS, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) yang baharu berkuatkuasa 6 Ogos lalu.

Dr Ismail, 44, merupakan Pengarah UMS-KAL yang keempat selepas alahyarham Prof Madya Dr Zainal Abidin Said (1999-2005), Prof Dr Syed Azizi Wafa (2005-2009) dan Prof Dr Shariff Abdul Kadir Omang (2009 - Julai 2012). Dr Ismail akan memegang jawatan itu sehingga Ogos 2014.

Beliau yang dilahirkan di Kampung Durian Tunjong, Wilayah Persekutuan Labuan menggantikan Prof Dr Shariff yang dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UMS yang baharu.

Dr Ismail menjadi Dekan PPIB pada 2010 hingga Julai 2012, Ketua Program Sekolah Sains Sosial (2007 – 2010), Timbalan Pengarah Pusat Kokurikulum dan Pemajuan Pelajar (2006 – 2008) dan Ketua Program Sejarah Sekolah Sains Sosial (2005 – 2006).

Beliau pernah memegang jawatan Presiden Persatuan Staf Akademik dan Ikhtisas (Perisai) UMS pada 2006 hingga 2010.

Mendapat pendidikan awal di SMK Labuan pada 1981-1984, SMK Kuala Penyu (1985) dan SMK Beaufort (1986-1987) sebelum melanjutkan pelajaran ke Universiti Malaya (1988-1991), Maktab Perguruan Gaya (1993-1994), Universiti Malaya (1997-1999) dan Universiti Malaysia Sabah (1999-2004).

Selepas memegang jawatan tersebut, Dr Ismail berjaya memantapkan dan menambahbaik konsep antarabangsa dari pada semua aspek dan bidang terutama akademik, pentadbiran dan sahsiah pelajar.

Katanya, sebagai sebuah institusi pengajian tinggi bertaraf antarabangsa, UMS-KAL wajar memiliki nilai-nilai antarabangsa sama ada dari segi pentadbiran mahupun pelajar itu sendiri.

Selain itu, beliau mahu jalinan kerjasama antara UMS-KAL dengan jabatan dan agensi kerajaan, sektor swasta, badan bukan kerajaan (NGO) dan industri terutama syarikat berkaitan minyak dan gas terus dimantapkan.

"UMS-KAL juga wajar menjalin hubungan yang baik dengan pemimpin dan penduduk setempat di Wilayah Persekutuan Labuan yang turut berbangga dengan kewujudan sebuah IPTA bertaraf antarabangsa," katanya.

Beliau berkata demikian selepas majlis serah dan terima tugas Pengarah UMS-KAL daripada Pemangku Pengarah, Dr Ag Asri Ag Ibrahim di pejabatnya, pada Isnin.

Hadir sama Timbalan Pendaftar UMS-KAL, Zamri Mohamad Tuah. **-OLEH JAINUDIN DJIMIN (jainudin@newsabahtimes.com.my)**